



PANTAU
..penguat
kuasa
Perhilitan
memeriksa
sekitar
lokasi
untuk
mengesan
kelibat
haiwan
buas.

Pasang perangkap jerat haiwan buas

KLUANG: Jabatan Perlin-
dungan Hidupan Liar
dan Taman Negara (Per-
hilitan) Negeri Johor akan
memasang perangkap bagi
menjerat haiwan buas di-
percaya berkeliaran di La-
dang Sawit Batu 54, Jalan
Machap-Johor, Simpang
Renggam di sini, hingga
mengakibatkan kematian
pengembala lembu, Maha-
di Sadri, 30, pada 22 Mei
lalu.

Jurucakap Perhilitan ber-
kata, sekiranya hasil siasa-
tan mendapati kesan tapak

kaki ditemui di lokasi ke-
jadian disahkan milik hai-
wan buas, pemasangan pe-
rangkap di sana akan di-
lakukan segera.

“Kami masih membuat
siasatan dan kajian bagi
menentukan jejak berkenaan
kerana beberapa jejak
haiwan termasuk anjing turut
ditemui di sekitar lokasi
kejadian.

“Sehingga kini, kami juga
belum dapat memastikan
jejak jenis yang dilaporkan
sebesar tapak tangan manusia ditemui di sekitar lo-

kasi terbabit,” katanya, di-
sini, semalam.

Terdahulu, 30 anggota polis, Perhilitan, Jabatan Veterinar Negeri Johor (JV) dan Bahagian Penguat Kuasa Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) turut hadir di lokasi kejadian dalam operasi menangkap án-
jing liar.

Operasi kira-kira dua jam itu dilakukan di sekitar ka-
wasan kejadian dan peme-
riksaan turut dilakukan ba-
gi mengesan jejak baru hai-
wan buas.